5.1.1	Aspek Tatabahasa	Memahami dan menggunakan kata nama dan kata ganti nama dengan betul mengikut konteks.

KATA NAMA AM DAN KATA NAMA KHAS

Kata Nama Am

Kata nama am ialah kata yang digunakan untuk menjelaskan nama sesuatu yang bernyawa seperti orang, haiwan, dan sesuatu yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, tempat , benda, dan sebagainya.

Dengan kata lain perkataan nama am digunakan bagi menyebut sesuatusecara am atau umum.

Manusia , orang	ayah, perempuan, kerani, polis, guru, doktor, askar dll
binatang	ayam, gajah, kerbau anjing, kuda, burung, ikan dll
tumbuh- tumbuhan	pokok, betik, rumput, lalang dll
benda	pasir, kayak, radio, rumah. Motorkar, pen, buku, dll
tempat	pejabat, pulau, sekolah, kampung, bandar, negeri dll

Kata nama am hendaklah ditulis dengan menggunakan huruf kecil melainkan pada awal ayat.
Contoh:

Dia sedang menjinakkan seekor gajah.	Pada akhir ayat
Gajah itu berbadan besar.	Pada awal ayat

Kata Nama Khas

Kata nama khas ialah kata nama yang khasnya digunakan untuk menyebut nama sesuatu yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.

Kata nama khas digunakan bagi menyebut sesuatu yang tertentu, khusus atau khas. Huruf pertama perkataan nama khas ini hendaklah ditulis dengan huruf besar.

manusia	Zaidi, Mei Fong, Subramaniam
binatang	Tompok (kucing), Jalak (ayam)
tempat	Muar (daerah), Seremban (bandar), Jepun (negara)
bangunan	Pudu Raya (perhentian bas dan teksi), Menara Tun Razak (pejabat)
judul buku	Keluarga (majalah), Rentong (novel), Kamus Dewan (buku)
benda	Proton Perdana (kereta), Pilot (pen), Seiko (jam)

LIVEWORKSHEETS

Kenal pasti jenis kata nama yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, tulis sama ada perkataan bergaris itu ialah kata nama am atau kata nama khas pada ruang jawapan yang disediakan.

No	Ayat	Kata nama am / Kata nama khas
1	Pegawai tentera itu mempunyai suara garau.	
2	Sebagai penyanyi latar, hubungan Lata dengan komposer lagu mestilah baik supaya mereka dapat menghasilkan lagu yang terbaik.	
3	Pemuda itu semakin lemah kerana darah berjejeran keluar dari lukanya.	
4	Kain baju itu berlonggok di dalam bakul plastik	
5	Nenek menghamparkan sebidang tikar usang di ruang tamu.	
6	Latihan bola sepak akan diadakan setiap hari kecuali hari Ahad.	
7	Mak Su membasuh pinggan mangkuk yang digunakannya semalam.	
8	Dugong ialah haiwan laut yang hanya makan rumpai laut sahaja.	
9	Dua orang penceramah telah bersedia untuk menyampaikan ceramah masing-masing.	
10	Lisa membeli selendang sutera untuk ibu kesayangannya.	

LIVEWORKSHEETS